

DBKL sedia lebih dua hektar tanah kosong sepanjang Sungai Bonus Galak warga kota berkebun

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA

kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 10 OKT.

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperuntukkan lebih dua hektar tanah kosong di sepanjang Sungai Bonus bagi menggalakan komuniti setempat bercucuk tanam.

Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL, Datuk Mohd. Najib Mohd. berkata, peluang itu membolehkan warga kota menanam sendiri sayur-sayuran dan buah-buahan selain menjaga keindahan sekitar di kawasan sungai sepanjang 9.2 kilometer itu.

Beliau berkata, konsep kebun yang bercirikan kebun bandar dengan pasu dan bekas mengandungi tanaman itu akan disusun secara menegak-sekali gus mengoptimalkan penggunaan ruang.

"Pelaksanaan projek di bawah Local Agenda 21 Kuala Lumpur (LA2 KL) DBKL itu bukan sahaja memberi manfaat kepada masyarakat tetapi juga untuk alam sekitar.

"Hasil daripada kebun kecil itu akan diagih-agihkan kepada golongan yang memerlukan sekali gus dapat mengurangkan beban mereka," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) Projek Sungai Nadi kehidupan (RoL) LA 21 KL Fasa ke-2 Sungai Bonus di sini.

Yang turut hadir Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kuala Lumpur, Bibi Zarina Che Omar.

Perjanjian itu melibatkan 10 rakan kongsi termasuk Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), Koperasi Warganiaga Kuala Lumpur Berhad, Ecoclean Technology Sdn. Bhd, Kelab Duta Rimba Kuala Lumpur dan

MOHD. NAJIB MOHD. (depan) bersama wakil rakan kongsi projek Kebun Bandar meninjau tapak penanaman pokok sepanjang Sungai Bonus selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman Projek Sungai Nadi Kehidupan di Kuala Lumpur, kelmarin. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Hasil daripada kebun kecil itu akan diagih-agihkan kepada golongan yang memerlukan sekali gus dapat mengurangkan beban mereka.

MOHD. NAJIB MOHD.
Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL

Zone Pave Builder Sdn. Bhd.

Tambah Mohd. Najib, pelaksanaan inisiatif 'kebun bandar' itu dijangka siap sebaik sahaja projek RoL Sungai Bonus siap pada Disember 2017. Sempena

majlis itu, sekumpulan belia daripada Kelab Duta Rimba Kuala Lumpur menanam kira-kira 100 pokok buah-buahan pelbagai jenis di kawasan berkenaan.

info

KEBUN BANDAR

- > Projek di bawah Local Agenda 21 Kuala Lumpur.
- > Libatkan lebih dua hektar tanah sepanjang Sungai Bonus.
- > Tanaman sayur-sayuran, herba dan buah-buahan.
- > Di jangka siap pada Disember 2017.
- > Libatkan 24 rakan kongsi.